

# Lelaki Indonesia masuk secara haram dipenjara enam bulan, tiga sebatan

**KUCHING:** Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara enam bulan dengan tiga sebatan ke atas seorang lelaki warganegara Indonesia atas kesalahan memasuki negera ini secara haram.

Hakim Zuraidah Zakaria menjatuhkan hukuman itu ke atas James, 26, selepas dia men-

gaku bersalah bagi pertuduhan di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63, dengan hukuman dijatuhkan di bawah Seksyen 6(3) akta sama.

Seksyen itu menetapkan hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya, dengan maksimum

enam sebatan.

Tertuduh melakukan kesalahan itu di sebuah kedai makan Jalan Sungai Maong Tengah di sini sekitar jam 4.20 petang pada 17 Ogos 2025.

Menurut fakta kes, polis memberkas tertuduh semasa pemeriksaan dilakukan di kedai makan berkenaan.

Semakan lanjut mendapati dia tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah dan berada di Malaysia tanpa alasan yang munasabah.

Pendakwaan kes dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohd Fadzri Azham Zainudin, manakala James tidak diwakili peguam bela.